

## ‘Perah otak’ hurai kes syarikat global



**KEMBARA HURAI KES SYARIKAT:** Menerusi pelbagai peraduan kes perniagaan antarabangsa di Belanda, Denmark, Hongkong dan Serbia, Encik H Ahamed Marzouq menimba pengalaman berguna memikirkan secara realiti permasalahan yang menggolak dunia perniagaan masa kini. – Foto JOHARI RAHMAT

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

MENGHURAI masalah sebenar syarikat berbilang negara (MNC) atau bertaraf antarabangsa yang mengendalikan cabang niaga berbeza dekat di hati Encik H Ahamed Marzouq.

Mahasiswa Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS) itu sudah merantau ke Hongkong, New Zealand, Denmark, Belanda dan Serbia sebagai wakil Singapura ke peraduan kes antarabangsa.

Di dalam peraduan itu, peserta yang bergabung dalam kumpulan seramai empat orang diuji dengan misi membangun huraian terbaik bagi sesebuah syarikat dalam rangka masa yang ditetapkan.

Tahun lalu, Encik Marzouq, 24 tahun, dan pasukannya menjuarai Peraduan Kes Perniagaan Asia Pasifik HSBC/HKU.

Pasukannya juga dinobatkan sebagai johan Peraduan Kes Perniagaan Antarabangsa Belgrade di Serbia.

Ketika dihubungi *Gah!* baru-baru ini, anak sulung dalam dua beradik itu berkata:

“Cogan kata yang menjadi sandaran saya ialah, ‘Usah berpuas hati dengan apa yang dikecapi hari ini’.

“Di sebalik semangat persaingan yang membara di hati saya, saya pastikan perjuangan ini bukan bagi menewaskan orang lain. Sebaliknya, saya gigih memperbaiki diri sendiri.

“Saya malah lebih teruja mengembara ke pelbagai negara berbeza dengan budaya sendiri di samping mengamati senario masalah yang dibentangkan dalam setiap syarikat.”

Encik Marzouq akur setiap peraduan yang disertai memiliki format berbeza.

Di Hongkong, beliau perlu tangkas menghurai kes perniagaan ringkas dalam masa dua jam setengah.

Di Copenhagen, Denmark, pula beliau terperuk selama 32 jam dalam sebuah bilik apabila diserahkan dengan kes lebih mencabar yang melibatkan pasaran sejagat.

“Cabaran menyertai peraduan kes sebegini ialah kita sentiasa dikejutkan dengan senario syarikat sebenar yang latar belakangnya mu-

ngkin tidak atau kurang kita ketahui.

“Mungkin ada yang menyangka sulit menghurai masalah syarikat dari sektor berbeza. Namun saya yakin, pasti ada formula yang sama yang boleh diterapkan dengan jaya,” katanya lagi.

Antara senario yang diberi kepadanya di Denmark termasuk memikirkan teknologi terbaik bagi syarikat pengilang pam air terbesar di dunia, Grundfos.

Menggunakan kemahiran analisis data yang dipelajarinya, Encik Marzouq tampil dengan usulan terbaik yang canggih tetapi banyak manfaatnya.

Mengimbas kembali pilihannya ke Sekolah Perniagaan NUS, pemuda ramah dan bervisi ini menambah:

“Saya lebih berminat dengan bidang matematik, kewangan dan pemasaran berbanding kejuruteraan. Kepuasan terbesar saya ialah institusi ini memberi saya peluang menebarkan rangkaian kenalan saya di luar negara menerusi peraduan kes antarabangsa dan program pertukaran.

“Dalam program pertukaran selama enam bulan di Seattle, Amerika Syarikat, saya seronok meninjau lokasi yang menjadi ‘rumah’ kepada syarikat teknologi gah Microsoft dan penerbangan Boeing.

“Budaya kerja dan pembelajaran di sana tentunya berbeza daripada Singapura. Banyak penyesuaian yang perlu dibuat.”

Pemuda yang suka membaca ini juga sudah ‘dilamar’ bekerja di syarikat pengurusan aset terbilang Amerika, BlackRock, sebelum tamat pengajian Julai ini.

“Banyak aspek dunia perniagaan yang saya pelajari di Sekolah Perniagaan NUS. Bagaimanapun, pengurusan aset menjadi pilihan kerana ia dekat di hati saya dan impak globalnya lebih terasa.

“Dengan revolusi teknologi dan industri yang mendatang, saya berharap belia era milenia tidak sia-sia seribu satu peluang ke luar negara.

“Mereka harus rebut pengalaman bertanding di peraduan global, melalui program pertukaran atau bekerja sambil belajar. Jauh perjalanan, luas pemandangan,” katanya.